

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK KOH NAI KWONG**  
**[ ALOR GAJAH ]**

**TARIKH : 24 OKTOBER 2016 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Datuk Koh Nai Kwong [ Alor Gajah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian akan melaksanakan sistem pampasan bagi pengguna pengangkutan awam seperti yang dilaksanakan di UK dan Jepun bagi pengangkutan yang tidak menepati jadual sebagai langkah memastikan kecekapan perkhidmatan dan pendorong kepada pengurusan LRT dan MRT untuk menaik taraf perkhidmatan.

**JAWAPAN: YB DATUK HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini operasi LRT dan Monorel KL dikendalikan oleh Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana).
2. Polisi yang diamalkan oleh Prasarana adalah sekiranya berlaku kelewatan yang melebihi 15 minit, pengguna mempunyai hak untuk menuntut kembali tambang yang telah dibayar atau mendapatkan kupon sebagai tiket ganti untuk perjalanan pada hari keesokan harinya.
3. Polisi yang sama juga akan digunapakai untuk laluan MRT yang dijangka akan mula beroperasi pada hujung tahun 2016 dan juga bakal dikendalikan oleh Prasarana.

Sekian, terima kasih.